



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SESI TAKLIMAT MENGENAI PELUANG-PELUANG PERNIAGAAN DI SEKTOR PERMAKINAN DAN PERKHIDMATAN LOGISTIK

HARI RABU, 24 MEI 2023

Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Unit Pembangunan Koperasi dibawah Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan mengadakan sesi taklimat khusus bagi koperasi-koperasi yang berdaftar di Negara ini mengenai dengan "Peluang-Peluang Perniagaan di Sektor Permakinan dan Perkhidmatan Logistik", bertempat di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada 24 dan 25 Mei 2023.

Taklimat berkenaan disampaikan oleh beberapa Pegawai daripada Agensi-Agensi Kerajaan yang mana topik-topik taklimat antarlainnya merangkumi dasar-dasar, proses dan perkhidmatan yang dapat diceburi didalam sektor permakinan dan perkhidmatan logistik.

Taklimat pada hari kedua akan dimulakan dengan sesi "sharing session" mengenai pengalaman Syarikat-Syarikat dibidang sektor berkenaan dengan mendengarkan perkongsian daripada empat (4) panel jemputan yang terdiri daripada wakil daripada Syarikat Ghanim International Corporation Sdn Bhd, Brunei International Airport Cargo Centre (BIACC), Muara Port Company Sdn Bhd (MPC) dan Gomamam.

Program akan diakhiri dengan acara lawatan ke Syarikat Ghanim International Corporation Sdn Bhd dengan membawa para peserta untuk melihat secara lebih dekat perkhidmatan dan fasiliti-fasiliti yang ada di bangunan Brunei Food Industry Development Multipurpose Manufacturing & Processing Facility (BFID).

###

Disediakan oleh:

Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam
Tarikh: 24 Mei 2023